e-PRIHATIN FAKULTI PERAKAUNAN: SISTEM PENGURUSAN KEBAJIKAN PELAJAR FAKULTI PERAKAUNAN UiTMCK DENGAN PROTOKOL RESPONS PANTAS (PRP)

Azilawati Abdullah Abd Aziz[1*], Nik Zam Nik Wan[2], Nor Asmawani Che Hassan[3] & Ros Amalina Zakaria[4]

[1,2,3,4]*UiTM Cawangan Kelantan*

**azila430@uitm.edu.my*

ABSTRAK

Pengurusan kebajikan pelajar merupakan komponen penting dalam memastikan kesejahteraan pelajar dan kelangsungan proses pembelajaran yang efektif di institusi pengajian tinggi. Namun demikian, pengurusan kebajikan pelajar di peringkat fakulti sering berhadapan dengan cabaran seperti ketiadaan prosedur operasi standard (SOP) yang sistematik, kelewatan dalam penyaluran bantuan serta pengurusan maklumat kebajikan yang tidak berpusat. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar yang menghadapi musibah atau kesulitan kewangan tidak menerima bantuan dengan segera. Sehubungan itu, inovasi e-Prihatin Fakulti Perakaunan diperkenalkan sebagai satu sistem pengurusan kebajikan pelajar berasaskan platform digital yang mengintegrasikan pelaporan kes secara masa nyata (real-time) dengan Protokol Respons Pantas (PRP). Sistem ini merangkumi tiga komponen utama iaitu pengesahan kes, klasifikasi jenis bantuan serta automasi dokumentasi bagi memastikan proses pengurusan kebajikan dilaksanakan secara lebih teratur dan telus. Selain itu, e-Prihatin turut membangunkan pangkalan data berpusat yang menyimpan rekod kebajikan pelajar secara sistematik, sekali gus membolehkan proses penyerahan tugas (handover) antara pensyarah dilakukan tanpa kehilangan atau keciciran maklumat penting. Hasil pelaksanaan inovasi ini menunjukkan peningkatan kecekapan dalam pengurusan kebajikan pelajar, di mana bantuan kritikal dapat disalurkan dalam tempoh dua minggu selepas laporan diterima. Inovasi ini juga berjaya mengurangkan beban pentadbiran pensyarah, meningkatkan ketelusan rekod bantuan serta memperkukuh tadbir urus fakulti melalui sistem dokumentasi yang lebih sistematik dan berintegriti. Keseluruhannya, e-Prihatin Fakulti Perakaunan berupaya mentransformasikan pendekatan pengurusan kebajikan pelajar daripada bersifat reaktif kepada proaktif melalui penggunaan teknologi digital dan prosedur respons yang standard. Inovasi ini mempunyai potensi untuk diperluaskan penggunaannya ke fakulti lain serta institusi pengajian tinggi bagi memperkukuh sistem sokongan kebajikan pelajar *secara lebih efektif dan mampan.*

KATAKUNCI: SOP Kebajikan, Inovasi Pengurusan, Fakulti Perakaunan, Protokol Respons Pantas, Kebajikan Pelajar

PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF

Pengurusan kebajikan pelajar merupakan komponen penting dalam memastikan kesejahteraan pelajar dan kelangsungan proses pembelajaran yang efektif di institusi pengajian tinggi. Namun demikian, pengurusan kebajikan pelajar di peringkat fakulti sering berhadapan dengan cabaran seperti ketiadaan prosedur operasi standard (SOP) yang sistematik, kelewatan dalam penyaluran bantuan serta pengurusan maklumat kebajikan yang tidak berpusat. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar yang menghadapi musibah atau kesulitan kewangan tidak menerima bantuan dengan segera.


Mengapa inovasi ini penting? Sebelum ini, kita menghadapi kekangan apabila tiada SOP yang seragam dalam menguruskan musibah pelajar. Maklumat bantuan yang tidak teratur dan yang paling kritikal,

pengurusan kebajikan ini terlalu bergantung kepada individu pensyarah tertentu. Apabila berlaku pertukaran tugas, proses *'handover'* menjadi sukar dan akhirnya maklumat pelajar yang memerlukan bantuan tercicir.

Sehubungan itu, inovasi **e-Prihatin Fakulti Perakaunan (FP)** ini dibuat untuk mencapai objektif berikut:

1. Mewujudkan sistem pengurusan kebajikan pelajar yang lebih sistematik dan berpusat.
2. Mempercepatkan proses pengesanan dan penyaluran bantuan kepada pelajar yang memerlukan.
3. Mengurangkan beban pentadbiran pensyarah dalam pengurusan kebajikan pelajar.
4. Meningkatkan ketelusan dan integriti rekod bantuan kebajikan pelajar.


HURAIAN REKA BENTUK



Inovasi **e-Prihatin Fakulti Perakaunan** adalah sistem pengurusan kebajikan pelajar berasaskan platform digital yang mengintegrasikan pelaporan kes secara masa nyata (*real-time*) dengan **Protokol Respons Pantas (PRP)**. Sistem ini merangkumi tiga komponen utama iaitu pengesahan kes, klasifikasi jenis bantuan serta automasi dokumentasi bagi memastikan proses pengurusan kebajikan dilaksanakan secara lebih teratur dan telus. Selain itu, e-Prihatin FP turut membangunkan pangkalan data berpusat yang menyimpan rekod kebajikan pelajar secara sistematik bagi membolehkan proses penyerahan tugas antara pensyarah dilakukan tanpa kehilangan atau keciciran maklumat penting. Aliran kerja pelaksanaan e-Prihatin FP adalah diringkaskan dalam gambar rajah di atas. Perincian akan dibuat dalam bahagian visualisasi.

VISUALISASI

Perincian pelaksanaan e-Prihatin Fakulti Perakaunan diringkaskan di bawah:




Langkah 1: LAPOR: Pelaporan kes kepada pihak fakulti boleh dibuat oleh pelajar yang terlibat atau waris kepada pelajar dengan mengisi borang secara atas talian.

Langkah 2: SAH: Pengesahan kes diserahkan kepada Penasihat Akademik (PA). Laporan yang diterima akan dimaklumkan kepada penasihat akademik untuk mengesahkan bahawa pelajar ada menerima musibah seperti yang dilaporkan sebelum diserahkan kepada biro kebajikan fakulti.

Langkah 3: TINDAK: Setelah kes telah disahkan oleh pihak pengurusan fakulti, dengan bantuan Biro Kebajikan Pelajar dari Persatuan Pelajar, akan membuat hebahan melalui platform media sosial dan poster untuk membuka tabung sumbangan kepada pelajar terlibat. Tabung sumbangan ini dibuka selama 2 minggu.



[NOTIS: MARA UNIVERSITY OF TECHNOLOGY ACCOUNTANCY SOCIETY (MUTAC) 2025/2026]



Langkah 4: REKOD: Fail digital berpusat. Selepas 2 minggu, penyerahan akan dibuat oleh pihak pengurusan fakulti kepada pelajar atau waris pelajar yang terlibat dengan sebarang musibah. Biro kebajikan pelajar akan membuat laporan bertulis dan bergambar serta disimpan dalam "*cloud based*" untuk memudahkan pelaporan dan ketelusan pengurusan kebajikan pelajar.

KEBAHARUAN DAN KEUNIKAN

Inovasi e-Prihatin Fakulti Perakaunan mentransformasikan kaedah tradisional yang bersifat reaktif kepada satu sistem pengurusan kebajikan yang lebih dinamik dan terancang. Keunikan utamanya terletak pada integrasi Protokol Respons Pantas (PRP) yang memulakan rantaian bantuan secara automatik tanpa perlu menunggu pelajar mencari pensyarah secara manual. Sistem ini berjaya menghapuskan 'kebergantungan individu' dengan mewujudkan satu platform digital. Dengan penyimpanan data di platform awan (*Cloud based*), integriti dan kesinambungan maklumat tetap terjamin walaupun pensyarah yang mengurus kebajikan pelajar bertukar ganti. Ini bukan lagi usaha individu, tetapi komitmen organisasi yang didokumentasikan secara digital untuk memastikan kebajikan pelajar sentiasa diutamakan.

MANFAAT KEPADA MANUSIA

Faedah & Impak kepada pelajar	Faedah & Impak kepada fakulti
• Bantuan disalurkan dengan lebih cepat • Pelajar yang memerlukan bantuan dapat dikesan lebih awal • Mengelakkan pelajar tercicir daripada sistem kebajikan	• Mengurangkan pengurusan manual oleh pensyarah • Maklumat kebajikan lebih mudah diakses • Tadbir urus kebajikan lebih telus dan sistematik

POTENSI UNTUK KOMERSIAL

Inovasi e-Prihatin FP memiliki kebolehskalaan (*scalability*) yang tinggi untuk direplikasi merentas pelbagai fakulti mahupun di peringkat universiti secara holistik. Sebagai model pengurusan kebajikan IPT yang kos efektif, sistem ini berjaya meminimumkan perbelanjaan pentadbiran melalui automasi dokumentasi berasaskan awan. Potensi komersialnya amat luas, khususnya melalui transformasi sistem ini kepada aplikasi pintar (*mobile app*) yang menawarkan solusi tadbir urus kebajikan pelajar yang lebih berintegriti, sistematik, dan mudah akses bagi institusi pendidikan alaf baharu.

KESIMPULAN

Inovasi e-Prihatin FP menandakan peralihan strategik fakulti ke arah pengurusan kebajikan digital yang lebih berintegriti. Dengan mengutamakan kecekapan respons dan ketelusan data, sistem ini berjaya menstruktur semula proses penyaluran bantuan agar lebih saksama. Implikasinya, keberkesanan sistem ini bukan sahaja mengurangkan beban pentadbiran, malah memperkukuh komitmen fakulti dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada menerima bantuan yang sewajarnya.

RUJUKAN

Carta Alir Permohonan Di Sistem (E-Kebajikan Pelajar) Bagi Pengurusan Tabung Kebajikan & Tabung Kecemasan Pelajar, Retrieved from https://hep.uitm.edu.my.

Senarai Dokumen Bagi Urusan di Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar, Retrieved from https://hep.uitm.edu.my.